

21 MAY 1996

Negara-Bahas

BANTU MASYARAKAT MALAYSIA KETURUNAN THAI DALAM PENDIDIKAN DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kerajaan telah diminta memberi perhatian khusus kepada masyarakat Malaysia keturunan Thai dalam bidang pendidikan selain diberi peluang dalam kegiatan ekonomi seperti yang dinikmati oleh bumiputera lain di negara ini.

Senator Charern Intachat hari ini berkata, masyarakat itu banyak ketinggalan dalam bidang pendidikan dan ekonomi kerana terpaksa bersaing dengan kaum lain yang teguh kedudukan masing-masing.

"Majoriti daripada mereka adalah petani miskin dan tidak mampu untuk menghantar anak-anak ke sekolah di peringkat lebih tinggi," katanya ketika membahaskan usul terima kasih ke atas Titah Ucapan Diraja sempena pembukaan penggal kedua Parlimen ke-9 di Dewan Negara di sini.

Charern, yang merupakan Senator pertama dilantik dari kalangan masyarakat Malaysia keturunan Thai, dalam ucapan sulungnya berkata, kadar keciciran anak-anak masyarakat Thai Malaysia di sekolah pada masa ini tinggi kerana ramai yang tidak mampu meneruskan persekolahan peringkat tinggi

Beliau mahu kerajaan memberi tempat kepada mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh, Institut Teknologi Mara (ITM), program matrikulasi universiti-universiti tempatan serta peluang memasuki universiti.

Dalam bidang ekonomi pula beliau mahu kerajaan memberi mereka pertimbangan yang setaraf bumiputera lain agar mereka dapat sama-sama menikmati hasil kemajuan dan pembangunan dan boleh pula berganding bahu dan menyumbang tenaga bersama kaum lain mencapai matlamat wawasan 2020.

Charern, yang merakamkan penghargaan masyarakat Thai kepada kerajaan kerana melantik wakil kumpulan masyarakat itu di Dewan Negara berkata, masyarakat Thai Malaysia yang telah lama berada di negara ini adalah penyokong kuat Barisan Nasional.

Banyak di kalangan mereka di Kedah dan Perlis telah menjadi anggota Umno, katanya.

Sementara itu Senator Yim Chee Chong pula meminta pihak Peguam Negara menyiasat laporan bahawa Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah terbabit dengan urusan niaga saham dan mengalami kerugian lebih RM1,000 juta.

Yim, yang juga seorang peguam berpendapat perbuatan seumpama itu menyalahi perlembagaan dan undang-undang di negara ini.

Beliau juga meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat sama ada kerajaan PAS di Kelantan telah menyalahguna wang rakyat dengan menggunakan RM240,000 sebagai belanja penyediaan draf undang-undang Hudud sedangkan undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan di negara ini.

Beliau juga mencabar Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya membubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk mengadakan pilihan raya negeri bagi melihat sama ada penduduk negeri itu masih menyokong parti itu.

Yim, yang menyambut baik langkah Malaysia menjalin hubungan baik dengan China sejak Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein hingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan agar Malaysia membenarkan penubuhan Bank of China di negara ini.

Katanya hubungan Malaysia dengan China telah terjalin sejak 500 tahun lepas semasa zaman kesultanan Melaka dan ia kini menjadi bertambah erat.

Beliau turut mencadangkan agar wakil Majlis Peguam dilantik sebagai anggota Dewan Negara agar badan guaman itu akan sama-sama terlibat dalam

penggubalan undang-undang dan membetulkan salah kefahaman mereka terhadap kerajaan berhubung soal itu.

Persidangan Dewan Negara disambung esok. -- BERNAMA

AFY NMO